

27 DEC 1996

Muhammad - BN

MUHAMMAD MINTA JANGAN KERUHKAN SUASANA

SHAH ALAM, 27 Dis (Bernama) -- Pimpinan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Selangor hari ini mengadakan perjumpaan bagi membincang dan mendapatkan gambaran mengenai kes Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang didakwa kerana melanggar undang-undang Australia Ahad lepas.

Perjumpaan di Bangunan Umno Selangor di sini berlangsung lebih sejam mulai 10 pagi tadi dengan dihadiri wakil-wakil dari MIC dan MCA serta Umno.

Yang turut hadir ialah Setiausaha BN Selangor Datuk Haji Zainal Dahlan, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Haji Onn Ismail dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor Datuk Abdul Fatah Iskandar.

Tiada sebarang kenyataan dikeluarkan selepas perjumpaan itu.

Bagaimanapun, menurut sumber, Muhammad telah bercakap menerusi telefon dengan beberapa pemimpin Umno Selangor dan meminta supaya para pemimpin di negeri ini tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh mengeruhkan suasana berkaitan kesnya.

"Lagipun, beliau (Muhammad) telah menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan mengenai perkara ini," kata sumber itu.

Menurutnya Muhammad masih berusaha untuk pulang ke tanah air secepat mungkin walaupun mengikut perancangan cutinya yang asal beliau akan pulang dari luar negara pada 30 Dis.

Onn, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, meminta semua anggota Umno di negeri ini bertenang dan bersabar.

Beliau juga meminta mereka tidak mendengar atau membuat sebarang spekulasi mengenai kes itu.

Semalam Onn telah pergi ke pejabat Perdana Menteri untuk menyampaikan kenyataan mengenai pendirian Umno Selangor yang memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Muhammad dan menyerahkan kepada Dr Mahathir, yang juga Presiden parti, untuk membuat keputusan dalam hal itu.

Muhammad yang bercuti sejak 16 Dis dihadapkan ke mahkamah di Brisbane, Australia pada Isnin lepas kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang yang jumlahnya bersamaan RM2.4 juta yang dijumpai dalam bagasinya sebelum menaiki kapal terbang ke New Zealand.

Beliau dibebaskan dengan jaminan sendiri dan dikehendaki menghadiri mahkamah itu pada 21 Mac tahun depan.-- BERNAMA

MNY MAI